

UCAPAN
YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI
PAHLAWAN TAHUN 1984, MELALUI RADIO DAN
TELEVISYEN MALAYSIA, PADA HARI KHAMIS
26HB. JULAI, 1984

Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang saya ucapkan kepada para penonton dan para pendengar.

2. Saya merasa amat gembira dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana mendapat peluang untuk menemui segenap lapisan masyarakat di negara ini sekali lagi untuk melancarkan kutipan derma rayuan Hari Pahlawan bagi tahun 1984 ini. Peristiwa ini memberi makna yang besar kepada diri saya oleh kerana saya sentiasa bersimpati dengan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia terutamanya ahli-ahlinya yang cacat, uzur dan kurang upaya serta keluarga-keluarga mereka yang kurang bernasib baik. Saya merasa yakin dan percaya bahawa segenap lapisan masyarakat di negara ini tentu sekali mempunyai perasaan yang sama dengan saya terhadap bekas-bekas pahlawan kita itu.

3. Sejarah telah membuktikan bahawa perajurit-perajurit kita telah memainkan peranan yang besar dalam mempertahankan negara ini daripada sebarang ancaman, sama ada daripada luar mahupun dalam negeri. Tidaklah keterlaluan jika saya sebutkan di sini bahawa keberanian perajurit-perajurit kita dalam mempertahankan negara semasa Peperangan Dunia Kedua, keadaan darurat dalam tahun 1948 sehingga tahun 1960, peristiwa konfrontasi dan sebagainya telah meninggalkan satu kesan yang mendalam di hati dan sanubari kita semua. Pendek kata keberanian dan kehandalan perjuangan mereka itu telah

menjadi satu lagenda untuk diteladani oleh generasi akan datang. Namun begitu perjuangan mereka itu tidaklah tamat sekadar peristiwa-peristiwa yang telah saya sebutkan tadi, tetapi sehingga ke saat inipun perajurit-perajurit kita masih lagi terus berjuang demi untuk menegakkan kedaulatan negara dan prinsip-prinsip demokrasi sebagai lambang dan tunggak manifestasi segenap lapisan masyarakat yang cintakan keamanan.

4. Di dalam mengharung peristiwa-peristiwa yang pahit dan getir itu ramai di antara mereka yang telah gugur sebagai bunga bangsa dan pahlawan negara. Sementara itu sebilangan besar daripada mereka telah mengalami kecacatan anggota dan sebagainya. Tidak kurang pula jumlahnya anak-anak yang menjadi yatim piatu yang telah kehilangan payung tempat mereka berteduh dan belaian kasih sayang seorang ayah yang mereka kasihi. Bekas-bekas pahlawan ini serta tanggungan mereka sepatutnyalah mendapat pembelaan bukan sahaja daripada Kerajaan bahkan juga daripada segenap lapisan masyarakat.

5. Sehubungan dengan itu bagi menjaga kebajikan dan kepentingan bekas-bekas perajurit di tanahair, maka terbentuklah satu persatuan atau pertubuhan yang dikenali sebagai Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Salah satu daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh Persatuan ini ialah mengadakan kutipan derma rayuan Hari Pahlawan dalam bulan Ogos pada setiap tahun. Tujuannya adalah untuk memungut derma daripada orang ramai bagi mengisi tabung kebajikan mereka. Dalam konteks ini saya sangat-sangat berharap dan menyeru orang ramai supaya jangan sekali-kali menyalah anggapkan bahawa kutipan derma rayuan Hari Pahlawan ini diadakan semata-mata untuk menagih hutang daripada orang ramai bagi membalas budi perajurit-perajurit kita. Sesungguhnya kutipan derma tersebut diadakan adalah semata-mata untuk mendidik orang ramai supaya menaruh simpati dan membantu mereka yang telah banyak berjasa kepada

kita. Dalam erti kata lain, kejayaan kutipan derma rayuan Hari Pahlawan ini membuktikan bahawa masyarakat di negara ini terdiri daripada golongan masyarakat yang tahu membalas budi dengan penuh keikhlasan.

6. Saya merasa bangga kerana selama ini Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah dapat memainkan peranan mereka untuk mencapai matlamat dan cita-cita persatuan itu ditubuhkan. Begitu juga saya merasa amat bersyukur bahawa kutipan derma rayuan Hari Pahlawan pada tahun yang lalu ialah hampir sebanyak \$700,000.00, walaupun keadaan ekonomi negara tidaklah begitu membanggakan. Hasil daripada kutipan ini sedikit sebanyak telah dapat membantu Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk meneruskan skim-skim bantuan kebajikan mereka yang meliputi bantuan bulanan kepada balu-balu, ahli-ahli yang kurang upaya, bantuan persekolahan anak-anak ahli serta mereka yang dalam keadaan-keadaan tertentu, membiayai ahli-ahli ataupun tanggungan mereka bagi mendapatkan rawatan luar negeri. Kita sekalian sentiasa mendapat maklumat mengenai aktiviti kebajikan persatuan melalui media massa di negara ini. Oleh yang demikian adalah jelas bahawa segala sumbangan yang telah diberikan oleh orang ramai kepada persatuan ini sentiasa dikawal dan digunakan ke arah kebajikan ahli-ahli serta tanggungan mereka dengan sebaik-baiknya. Oleh hal yang demikian orang ramai tidak perlu bimbang di atas perkara ini dan marilah sama-sama kita menderma sekali lagi pada tahun ini bagi membantu persatuan tersebut untuk meneruskan kerja-kerja amal yang sedang dilakukannya.

7. Saya juga difahamkan bahawa selain daripada memungut derma daripada orang ramai, Persatuan ini juga telah meiuaskan bidang aktivitinya terutama sekali dalam usahanya untuk berdikari. Segala cita-cita dan usaha-usaha yang sedang dijalankan itu sepatutnyalah mendapat sambutan dan bantuan terutamanya daripada Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan-kerajaan Negeri. Pada hemat dan pendapat saya,

segala kerja-kerja amal yang dijalankan oleh Persatuan ini mempunyai erti yang besar dan secara langsung akan dapat meringankan bebanan yang sedang ditanggung oleh Kerajaan kita. Di samping itu juga saya mengambil peluang ini, menyeru kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia supaya mempertingkatkan aktiviti-aktiviti mereka seperti mengadakan bengkel-bengkel kraftangan serta mengadakan asrama-asrama di bandar-bandar di negara ini untuk memberi kemudahan kepada anak-anak ahli yang tinggal jauh terpencil di luar bandar supaya mereka dapat mengikuti persekolahan dengan lebih baik.

8. Segala usaha dan cadangan-cadangan yang telah saya sebutkan, insya-Allah akan beroleh kejayaan dengan adanya persefahaman yang lebih erat di antara Kerajaan, persatuan dan orang ramai terhadap matlamat dan perjuangan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, terutamanya dalam memperbesarkan tabung kewangannya. Oleh hal yang demikian, sempena dengan Pelancaran Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan ini sekali lagi saya mengambil peluang untuk menyeru Kerajaan Negeri, sektor awam dan sektor swasta serta orang ramai untuk terus bekerjasama dan memberi segala bantuan bagi menjayakan kutipan derma rayuan Hari Pahlawan bagi tahun ini. Saya sentiasa menyedari bahawa keadaan ekonomi negara masih lagi belum pulih sebagaimana yang diharap-harapkan. Sungguhpun begitu saya merasa yakin bahawa segenap lapisan masyarakat di negara ini adalah sentiasa bersimpati dan akan terus menderma kepada suatu usaha yang murni lagi bermakna ini.

9. Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua para dermawan sekalian.

Terima kasih.
